

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
(PAYA BESAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 12.03.2014**

**Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [ PAYA BESAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perbelanjaan awam yang dapat dijimatkan susulan pengumuman 11 langkah perbelanjaan kerajaan yang diumumkan YAB. Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak bagi mengukuhkan kedudukan fiskal dan mengurangkan bajet defisit negara.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun melaksanakan 11 langkah penjimatan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014 - Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam berkuatkuasa mulai 2 Januari 2014. Anggaran penjimatan perbelanjaan awam daripada pelaksanaan 11 langkah tersebut adalah sebanyak RM400 juta.

Bagi memastikan pembelian barang dan perkhidmatan adalah berdasarkan nilai wang setimpal (value for money), Kerajaan telah memutuskan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2014 - Langkah Penjimatan Dalam Perolehan Kerajaan: Had Nilai Pembelian Terus Bagi Bekalan & Perkhidmatan dan Had Nilai Kerja-Kerja Requisition berkuatkuasa mulai 18 Februari 2014 seperti berikut:

- i. Mengurangkan threshold bagi pembelian terus dari RM50,000 kepada RM20,000 bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan; dan

ii. Mengurangkan siling bagi pembelian yang menggunakan Jadual Kadar (Schedule of Rates) daripada RM100,000 kepada RM50,000 bagi perolehan kerja.

Anggaran penjimatan perbelanjaan awam daripada pelaksanaan langkah tersebut adalah sebanyak RM320 juta bagi tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah yang telah dilaksanakan akan membantu Kerajaan Persekutuan dalam mencapai sasaran paras defisit fiskal pada 3.5% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tahun ini. Langkah ini juga selaras dengan komitmen jangka panjang Kerajaan untuk mencapai sasaran defisit fiskal pada paras 3% kepada KDNK pada 2015 dan bajet berimbang (balanced budget) pada 2020.

**Disediakan : Muhammad Reezal Ahmad**